

# Dengar pandangan orang muda

Sesi dialog TN50 dekati aspirasi mahasiswa untuk bentuk dasar baharu kerajaan menjelang 2050

DIANA SURYA ABD WAHAD

KUANTAN - Semua pandangan dan aspirasi mahasiswa berkaitan sekolah satu aliran, pendidikan percuma, masalah kesihatan mental membabitkan golongan belia, perpaduan antara kaum dan pendidikan seimbang akan diambil kira kerajaan dalam membentuk dasar-dasar baharu kerajaan menjelang 2050.

Sesi dialog Tranformasi Nasional 2050 (TN50) melibatkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di Universiti Malaysia Pahang (UMP) berlangsung hampir tiga jam bersama dengan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin, malam kelmarin.

Bagaimana pun, Idris berkata, semua aspirasi di-

kemukakan itu akan dikumpulkan dan dibuktikan oleh KBS sebelum dijadikan rujukan untuk memastikan ia dapat dicapai.

"Kita sudah mendengar aspirasi mereka dan terdapat banyak cadangan yang baik dikemukakan oleh mahasiswa... kita ambil maklum semua ini dan pertimbangkan dengan sewajarnya.

"Semua aspirasi dan cadangan kini akan kita ambil kerana nanti merekalah yang bakal menjadi penghuni negara pada 2050 nanti," katanya kepada media selepas sesi dialog itu berakhir.

Sebanyak 35 aspirasi dikemukakan mahasiswa dan pemimpin muda daripada pelbagai IPT di Pantai Timur pada sesi dialog bertemakan 'Ke Arah Sistem Pendidikan Terbaik Di Dunia' yang bertujuan melahirkan cadangan untuk memperkasa pembangunan negara termasuk

dalam bidang pendidikan.

• Kira-kira 5,000 pelajar hadir menyertai dan turut dihadiri Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Dalam pada itu, menurut Idris, kebanyakan aspirasi dilontarkan mahasiswa ke arah melihat Malaysia menjadi sebuah negara maju dan bersatu padu selain penekanan tentang soal keadilan antara kaum termasuk dalam bidang pendidikan.

"Antara yang menjadi perhatian apabila ada membabitkan juga isu perpaduan antara kaum terutama di kalangan penuntut institut pengajian tinggi.

"Begitu juga dengan akses pendidikan seimbang yang lebih baik kepada semua... ini juga akan diambil maklum oleh kita... Selain itu kita juga akan pastikan ia menjadi keutamaan dalam memberi peluang pendidik-



Idris dan Khairy berkongsi pentas bagi mendengar serta berkongsi aspirasi bersama anak muda sempena Sesi Dialog TN50 di UMP, Gambang, malam kelmarin.

an terbaik kepada semua rakyat," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, ternyata anak muda hari ini bukan sahaja ingin melihat kejayaan dalam bidang pendidikan, ekonomi dan pencapaian hingga ke peringkat global malah mementingkan perpaduan dengan mengekalkan identiti bangsa Malaysia itu sendiri.

"Melalui aspirasi yang dibentangkan, Malaysia akan menjadi negara yang membangun dengan lebih mampan tidak membebankan generasi akan datang," katanya.

Terdahulu, Khairy telah memaklumkan laporan aspirasi belia untuk wawasan TN50 itu dijangka dapat disiapkan penghujung

Disember depan.

TN50 sudah pun memasuki fasa kedua apabila Kumpulan Masa Depan yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak Mei lalu, sudah pun memulakan sesi perbincangan bagi meneliti lebih 50,000 cadangan atau aspirasi yang telah disampaikan kira-kira 1.2 juta rakyat di negara ini.